

Pengurusan Risiko Kecairan di Perbankan Islam

Noor Hashimah Binti Husaini
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: hashimahusaini@gmail.com

Abdul Ghafar Bin Ismail
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: agibab62@gmail.com

ABSTRAK

Kecairan merupakan tonggak utama dalam sesebuah sistem perbankan. Oleh itu kecairan perlu diurus dengan cekap agar masalah utama yang menghalang pertumbuhan perbankan dapat diatasi kerana kesukaran bank dalam mendapatkan tunai. Pengurusan risiko kecairan sangat penting sehinggakan terdapat rangka kerja pengurusan kecairan di dalam Basel 3. Namun begitu rangka kerja pengurusan kecairan yang sedia ada hanya dikhususkan kepada perbankan konvensional. Manakala, perbankan Islam yang menawarkan produk dan perkhidmatan serta kontrak yang berbeza memerlukan pendekatan yang berbeza. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan bagi melihat pendekatan yang digunakan oleh perbankan Islam bagi mengurus risiko kecairan. Kajian ini juga akan mengkaji adakah instrumen deposit murabahah dan akaun pelaburan mudharabah mampu menguruskan risiko kecairan dalam perbankan..

Kata Kunci: Risiko Kecairan, Piawaian Kecairan Basel 3, Pengurusan Risiko, Perbankan Islam, Deposit Murabahah, Akaun Pelaburan Mudharabah
Klasifikasi JEL: C12, C32, E58, C54, G32

ABSTRACT

Liquidity is a one of the important part in the banking system. There for, the liquidity need to be managed efficiently so that the main problems that hinder growth in banking can be overcome because of the difficulty in obtaining cash bank. Liquidity risk management is very important so that there is a liquidity management framework in Basel 3. However, liquidity management framework available only for conventional banking. Meanwhile, Islamic banking products and services as well as different contract requires a different approach. Therefore, this study was conducted to see the approach used by Islamic banking to manage liquidity risk. This study will also examine whether the instruments murabaha deposits and investments account mudharabah able to manage liquidity risk in the banking.

Keywords: Liquidity Risk, Liquidity Standards Basel 3, Risk Management, Islamic Banking, Murabahah Deposit, Investment Account Mudharabah
JEL Classification: C12, C32, E58, C54, G32

PENGENALAN

Krisis ekonomi baru-baru ini menunjukkan banyak kelemahan dalam rangka kerja pengawalseliaan global dan dalam amalan pengurusan risiko bank. Hasilnya, pihak berkuasa pengawalseliaan telah membincangkan beberapa langkah-langkah baru untuk meningkatkan kestabilan pasaran kewangan. Salah satu tumpuan utama adalah mengukuhkan modal global dan kecairan dalam Basel III supaya matlamat meningkatkan keupayaan sektor perbankan untuk menyerap kejutan yang timbul daripada tekanan kewangan dan ekonomi. Perjanjian Basel juga telah diperkenalkan untuk mengatasi masalah kelemahan kewangan bank-bank antarabangsa yang aktif dengan mengenakan keperluan modal bagi membantu bank semasa dilanda krisis. Basel III berhasrat untuk menjadikan sistem perbankan global

Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)
"Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju"
Johor Bahru, 7 – 9 Jun 2013

yang lebih selamat dengan membetulkan banyak kelemahan yang ketara dalam krisis kewangan baru-baru ini. Meningkatkan kualiti modal dan memperbaharui fokus kepada pengurusan mudah tunai bertujuan merangsang bank-bank untuk meningkatkan asas keupayaan pengurusan risiko mereka.

Kecairan sangat penting dalam sesebuah perbankan untuk memastikan kestabilan pasaran kewangan. Ia memainkan peranan penting dalam risiko kecairan sekiranya menghadapi krisis kewangan semasa. Kebiasaannya kecairan diperolehi daripada dana-dana pendeposit yang menandatangani wang mereka ke dalam institusi perbankan. Pendeposit terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berlainan seperti individu, syarikat, kerajaan dan sebagainya. Oleh itu, institusi perbankan akan berdepan dengan pelbagai ragam manusia dalam mengurus kecairan yang mereka perolehi. Selain itu juga, daripada yang diperolehi, institusi perbankan dapat mengembangkan lagi dana yang diperolehi mereka melalui pelbagai medium seperti pelaburan, pinjaman dan sebagainya.

Bagi sesebuah institusi kewangan, bank sepatutnya perlu mengurus bekalan dan permintaan kecairan atau mudah tunai dalam cara yang sesuai dan selamat untuk menjalankan perniagaan, menjaga hubungan baik dengan pihak yang berkepentingan serta dapat mengelakkan masalah kecairan. Kebiasaannya kecairan berlaku kerana kegagalan dalam pengurusan dana atau masalah ekonomi yang membawa kepada pengeluaran tunai yang tidak menentu oleh pendeposit. Namun hakikatnya mengekalkan pengurusan risiko kecairan yang mantap adalah sangat mencabar dan sukar dalam sistem ekonomi yang kompetitif dan pasaran yang sensitif.

Secara umumnya, bank merupakan institusi kewangan yang bertujuan mendapatkan sebanyak mungkin pulangan melalui penyediaan khidmat perantara kewangan kepada orang ramai, individu, syarikat mahupun institusi awam. Namun begitu, mendapat pulangan atau keuntungan mesti menanggung risiko. Risiko yang tinggi akan meningkatkan lagi kebarangkalian bank untuk mengalami kegagalan dan melemahkan kekuatan kredit bank. Bank akan berada dalam situasi kecairan yang ideal apabila mampu menunaikan segala komitmennya kepada pendeposit dalam kadar kos yang paling minima. Situasi ini hendaklah wujud dalam pengurusan bank.

Risiko kecairan berasaskan aset merujuk kepada kesolvenan sesebuah bank samada bank tersebut mampu memenuhi permintaan terhadap pendanaan untuk pembiayaan atau sebaliknya. Ia juga boleh di maksudkan sebagai kegagalan bank untuk memenuhi permintaan terhadap pihak ketiga yang meminta untuk pembiayaan. Manakala risiko dana pula, merujuk kepada risiko liabiliti di mana risiko bank tidak dapat memenuhi permintaan pendeposit untuk mendapatkan tunai pada sesuatu tempoh masa. Oleh itu, pengurusan kecairan yang mantap melibatkan pengurusan aset dan liabiliti dengan cara yang cermat bagi memastikan kecukupan wang tunai untuk memenuhi liabiliti-liabiliti.

Dalam perbankan Islam, risiko ini turut menjadi masalah utama yang menghalang pertumbuhan perbankan Islam kerana ia muncul setiap kali pelanggan membuat permintaan tunai segera terhadap tuntutan kewangan. Ia berpunca daripada kesukaran bank Islam dalam mendapatkan tunai pada kos munasabah daripada aktiviti peminjaman atau jualan aset.

Risiko kecairan dapat disimpulkan bahawa kemungkinan modal dan pulangan bank terdedah kepada kerugian kerana ketidakmampuannya menunaikan komitmen semasa yang diperlukan dan tanpa menanggung kos yang bukan biasa dalam melaksanakan komitmen tersebut. Punca risiko ini ialah kegagalan bank mencapai keseimbangan di antara aset dan liabiliti dari aspek masa depan, pulangan atau ketidakmampuan bank mendapatkan pembiayaan daripada pasaran.

Secara umumnya, kajian dilakukan untuk melihat kecekapan pengurusan perbankan Islam di Malaysia dalam menghadapi risiko kecairan. Adakah perbankan Islam mengambil pendekatan yang berhati-hati bagi menguruskan risiko kecairan mereka dan sekaligus dapat mengelakkan krisis kewangan yang pernah terjadi pada tahun 2008. Kajian ini juga mempunyai objektif khusus iaitu:

- i. Mengetahui bagaimana bank menguruskan risiko kecairan mereka.
- ii. Untuk melihat bagaimana deposit komoditi murabahah dan deposit pelaburan membantu dalam menguruskan risiko kecairan mereka.
- iii. Menyediakan beberapa hasil kajian bagi membantu institusi perbankan Islam dalam memantapkan pengurusan risiko kecairan mereka.

KAJIAN LEPAS

Kecairan merupakan salah satu faktor yang penting bagi memastikan kestabilan dalam sesebuah perbankan. Oleh itu, terdapat banyak kajian sebelum ini membincangkan mengenai pengurusan kecairan dalam perbankan Islam mahupun konvensional. Di dalam pakej pembaharuan Basel III juga menambah item mudah tunai dengan memastikan penampungan mudah tunai bermutu tinggi yang mencukupi. Piawaian ini akan dilaksanakan di Malaysia secara berperingkat.

Basel III telah mewujudkan satu piawaian kecairan dalam rangka kerjanya. Ini menunjukkan bahawa kecairan adalah instrumen yang penting bagi perbankan. Kajian Kara (2011) pula menunjukkan perbankan Islam akan terjejas oleh Basel III sama seperti perbankan konvensional apabila diaplikasikan piawaian tersebut. Perbankan Islam umumnya mudah untuk mematuhi peraturan ini kerana prinsip dan undang-undang syariah sudah selari dengan Basel III. Seperti yang telah diketahui, bank-bank Islam menunjukkan prestasi yang baik semasa krisis dan mempunyai asas modal yang kukuh, tetapi mereka masih terbuka untuk memperbaiki perkara-perkara yang lebih lanjut. Walaubagaimanapun, perbadanan pengurusan IFSB akan menyediakan pengganti bagi 'murabaha' iaitu wang instrumen pasaran komoditi. Instrumen ini akan digantikan dengan instrumen kewangan Islam jangka pendek untuk menguruskan kedudukan mudah tunai yang segera. Selain itu, dalam kebanyakan kes, modal bank-bank Islam adalah sebahagian besarnya Tahap 1. Di Timur Tengah, purata 80 % modal bank-bank Islam adalah di Tahap 1. Walaupun perbankan Islam dan Konvensional akan menghadapi kekangan mudah tunai, ia akan lebih memberi kesan kepada perbankan konvensional.

Topik pengurusan risiko kecairan merupakan isu yang sangat besar dan menarik untuk dikaji. Oleh di sebabkan faktor kecairan amat penting dalam sesebuah perbankan. Ramai pengkaji telah mengkaji bagaimana risiko dalam perbankan Islam mahupun perbankan konvensional dapat diuruskan dengan cekap. Ben Arab Mounira dan Elmelki Anas(2008) telah membincangkan dan menyatakan bahawa pengurusan kecairan amat penting dalam persekitaran perbankan dan mempunyai teknik yang unik untuk mengurus risiko kecairan tersebut. Selain itu, pengkaji juga menyatakan bahawa bank Islam telah melakukan inovasi baru dalam sistem perbankan Islam iaitu mewujudkan aset pendasar dalam transaksi. Tambahan pula, penggunaan instrumen perkongsian untung rugi juga turut memberi kelainan dalam menghadapi risiko semulajadi dalam sesebuah institusi perbankan Islam.

Tambahan pula Rifki Ismail (2010) turut membuat kajian mengenai pengurusan kecairan perbankan Islam khusus di Indonesia. Pengkaji mendapati sudut pengurusan risiko menyentuh seluruh aspek dan isu yang membawa institusi ke arah menangani risiko kecairan berlandaskan syariah. Selain itu juga, terdapat kajian lain yang mengkaji mengenai pengurusan risiko dalam institusi perbankan. Kajian yang telah dilakukan oleh Imola Driga (2009) bertujuan untuk menyediakan garis panduan atau sudut pandangan perspektif global terhadap pengurusan risiko kecairan. Pengkaji menerangkan secara keseluruhan dalam kajian beliau mengenai teori untuk mengukur, mengawasi dan mengawal risiko kecairan. Menurut pengamatan beliau, dengan mewujudkan sistem perbankan yang lebih fleksibel mampu mengukur dan meramal aliran tunai bagi aset, liabiliti dan derivatif samada keadaan ekonomi normal ataupun berada dalam tekanan. Beliau juga menyatakan dalam kajiannya bahawa pengukuran kecairan termasuk dalam penilaian terhadap aliran masuk dan keluar tunai bank serta penilaian kecairan atas aset. Penilaian tersebut adalah untuk mengenalpasti potensi terhadap kekurangan dana. Hal ini disebabkan, bank perlu mengenalpasti risiko kecairan yang terdedah kepada pelbagai perkara seperti entiti perundangan, cawangan dan subsidiari dalam bidang kuasanya. Selain itu juga, ingin mengenalpasti hubungan antara risiko kecairan dengan jenis-jenis risiko yang terdedah.

Pengurusan risiko kecairan sangat penting bagi menjamin kestabilan sesebuah institusi perbankan. Kegagalan bank dalam mewujudkan kestabilan menyebabkan sesebuah institusi kurang berkeyakinan untuk menyimpan wang mereka dalam institusi tersebut. Kecairan tercipta dari dana-dana yang terhasil dari orang ramai yang menandatangani wang mereka. Oleh itu, Rifki Ismail (2010) telah menganalisis karakter yang wujud dalam pendeposit, kelakuan pelaburan mereka dan jangkaan polisi yang dilakukan oleh bank bagi menangani masalah yang akan terjadi. Tambahan pula, Evan Gatev et. Al (2006) juga membincangkan transaksi deposit. Pengkaji menunjukkan bagaimana transaksi deposit mampu membantu bank dalam menghindari risiko kecairan daripada pinjaman yang tidak digunakan. Peningkatan kemaruahan pemulangan stok dengan ketidaktgunaanya berlaku hanya pada institusi perbankan yang mempunyai transaksi deposit yang rendah. Oleh itu, apabila pendeposit meletakkan wang mereka dalam sesebuah institusi bank menyebabkan bank memperoleh mudah tunai dalam tempoh masa yang tertentu. Selain itu juga, pelabur yang melabur dalam bank mereka juga memberi kecairan kepada bank tersebut. Hasil kajian mendapati pendeposit merupakan faktor kepada masalah kecairan di perbankan.

Tambahan pula Evan Gatev dan Philip E. Strahan (2003) turut membincangkan bahawa bank mempunyai keupayaan yang unik bagi mencegah dari kejutan kecairan. Pengkaji menyatakan kelebihan bahawa dengan aliran deposit yang masuk boleh mencegah permintaan pinjaman yang mana boleh diikuti dalam kecairan pasaran. Pengkaji menyatakan bahawa institusi perbankan mempunyai keistimewaan atau kepakaran iaitu mampu melakukan penolakan sistem dalam kecairan pasaran pada kos lebih rendah berbanding institusi kewangan lain. Pengkaji menggunakan bukti-bukti empirikal dari kajian kertas komersial. Pengkaji menyatakan lagi dalam kajiannya apabila berlaku peningkatan kecairan dan kertas komersial, membolehkan bank meningkatkan permintaan pinjaman dari peminjam

dan mengeluarkan pembiayaan dari kertas komersila tanpa mengganggu pegangan dalam aset kecairan mereka. Lebih-lebih lagi, pengeluaran pembiayaan yang murah adalah berpatutan pada kadar yang besar yang mana membolehkan harga baru kredit kebiasaannya jatuh ketika mana pasaran terbuka luas.

Namun hakikat deposit dalam sesebuah perbankan susah untuk di jangka kerana terlibat dengan pelbagai karakter pendeposit. Bagi mengatasi masalah pendeposit yang mempunyai pelbagai karakter, bank seharusnya mempunyai pelbagai inisiatif bagi menghadapi masalah tersebut. Sebelum bank mengambil tindakan untuk mengatasi masalah karakter pendeposit, bank hendaklah mengambil kira aspek dalaman perbankan. Kajian Rifki Ismail (2008) telah mengkaji isu-isu Syariah berkaitan pengurusan risiko kecairan dengan mengambil kira karakter bank dan profil risiko yang wujud dalam perbankan Islam. Pengkaji mendapati perbankan Islam perlu membangunkan persekitaran pengurusan risiko kecairan sebagai amalan piawai perbankan moden bagi menjamin keselamatan serta mengekalkan operasi perniagaan. Selain itu, kajian juga mendapati syariah telah menyediakan pelbagai kaedah serta pendekatan dalam mengawal risiko kecairan dengan mengambil kira halangan serta cabaran lain yang di hadapi. Secara praktikal, kajian mendapati dalam mengurangkan bentuk risiko ini, perbankan Islam perlu membentuk pendekatan organisasi serta instrumen mudah tunai dari perspektif pasaran kewangan Islam serta rangka kerja kawal selia dalam menghadapi keperluan mudah tunai biasa dan luar biasa.

Pengurusan aset dan liabiliti juga sangat penting bagi memastikan kestabilan dalam perbankan. Wolf Wagner (2007) telah menyatakan dalam kajian beliau bahawa peningkatan kecairan aset bank meningkatkan kestabilan perbankan. Dalam kajian Pierre R. Agenor, Joshua Aizenman dan Alexander W. Hoffmaister (2004) juga ada mencadangkan pendekatan supaya permintaan terhadap lebih kecairan dan mewujudkan keseimbangan yang dinamik supaya kejatuhan nilai kredit semasa krisis dapat dielakkan atau dikurangkan. Hal ini kerana kecairan aset adalah tinggi maka secara langsung memberi manfaat kepada kestabilan perbankan supaya risiko ke atas imbalan pembayaran dapat dikurangkan serta apabila krisis berlaku kecairan aset tersebut dapat membantu mengurangkan kos bank tersebut. Pengkaji menyatakan lagi, hakikatnya bank-bank akan mengambil inisiatif untuk mengambil risiko yang lebih supaya keuntungan yang dicapai oleh bank berada pada tahap maksimum.

Pengurusan kecairan berasaskan liabiliti juga sangat penting sama seperti pengurusan kecairan berasaskan aset. Oleh itu, seperti yang telah di ketahui hutang antara bank juga boleh mewujudkan kejutan kecairan ketika bank ingin mengurangkan kos dan mengekalkan simpanan. Oleh itu, isu ini telah di kaji oleh Wolf Wagne pada tahun 2007 yang mana beliau telah membina satu model berkenaan kerapuhan perbankan apabila kekurangan dalam kecairan agregat. Ketidakecakapan ini timbul akibat kegagalan operasi pasaran wang antara bank yang menyediakan kecairan dalam tempoh jangka pendek. Pengkaji mendapati pemberian pinjaman yang biasa dilakukan dalam waktu terakhir adalah tidak berkesan dalam memulihkan kecekapan. Hal ini di sebabkan berlaku perubahan kepada keseimbangan bank dalam membekalkan kecairan. Selain daripada pemberian pinjaman, subsidi terhadap pembelian aset dari bank-bank yang menghadapi masalah juga boleh mencapai kestabilan dalam perbankan kerana peningkatan pegangan kecairan bank tersebut berlaku. Pengkaji juga ada menyatakan bahawa kestabilan akan tercapai apabila pengalihan semula kecairan dari bank-bank yang stabil dan kukuh kepada bank-bank yang mempunyai masalah atau krisis berlaku.

Pelanggan meletakkan deposit mereka di dalam bank dengan keyakinan bahawa mereka mampu mengeluarkan semula wang mereka. Kemampuan kecairan mencerminkan sesebuah institusi perbankan itu, disebabkan kejatuhan kecairan sesebuah institusi mungkin menjatuhkan keseluruhan kestabilan kewangan negara. Oleh itu, Muhamad Farhan Akhtar et.al (2011) membincangkan peranan bank adalah pelbagai antaranya sebagai pengantara kewangan, pembimbing, dan penyokong. Bank meletakkan diri mereka sebagai badan yang dipercayai pendeposit, rakan perniagaan dan juga pelabur. Risiko kecairan mungkin timbul dari pelbagai operasi, sepertimana mereka bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan ia boleh didapati kecairannya apabila diperlukan oleh pihak ketiga. Usaha yang lebih diperlukan oleh bank islam untuk mengawasi risiko kecairan merujuk kepada instrumen yang unik bagi menepati prinsip-prinsip syariah.

Seperti mana yang telah diketahui, risiko kecairan terjadi disebabkan oleh ketidak padanan aset dan liabiliti. Oleh itu, apabila bank menghadapi pelbagai risiko menyebabkan ketidakstabilan bank. Namun Wolf Wagner (2007) menyatakan peningkatan kecairan aset bank, bercanggah dengan peningkatan ketidakstabilan perbankan dan faktor luaran yang dikaitkan dengan kegagalan perbankan. Hal ini kerana walaupun kecairan aset adalah lebih tinggi maka secara langsung memberi manfaat kepada kestabilan dengan menggalakkan bank untuk mengurangkan risiko ke atas imbalan pembayaran dan menyediakan kecairan aset ketika krisis bagi mengurangkan kos bank. Hasilnya bank-bank akan mengambil inisiatif untuk mengambil jumlah risiko yang lebih dari mengimbangi kearah ketidakstabilan.

Bagi Chung Hua Shen et al. (2009) pula menyatakan daripada kajiannya mendapati bahawa risiko kecairan mungkin membawa kepada keuntungan yang rendah disebabkan kos dana yang tinggi, akan tetapi meningkatnya bunga bersih. Keputusan menunjukkan bahawa risiko kecairan adalah negatif berhubung dengan pencapaian bank dalam pasaran sistem kewangan. Walaubagaimanapun, ia tidak membawa kesan terhadap pencapaian berdasarkan sistem kewangan.

Ramai penyelidik telah mengkaji dan membandingkan kecekapan pengurusan risiko di perbankan Islam dan konvensional. Para pengkaji mendapati pengurusan risiko dalam perbankan Islam adalah lebih baik berbanding di perbankan konvensional. Menurut Ahmed, Akhtar & Usman (2011) dalam kajiannya mendapati bank konvensional di Pakistan lebih cenderung dalam projek pembiayaan jangka panjang. Manakala bank Islam mempunyai prestasi yang baik dalam aset serta mempunyai keuntungan yang lebih baik dan pengurusan risiko mudah tunai. Penyataan tersebut disokong oleh Muhammad dan Manarvi bahawa bank Islam mempunyai pengurusan risiko kecairan yang baik kerana kedudukan bank Islam yang lebih selamat berbanding konvensional di Pakistan. Walau bagaimanapun, ada beberapa pengkaji tidak bersetuju bahawa bank Islam mempunyai pengurusan risiko kecairan lebih baik berbanding konvensional. Muhammad, Tariq, Tahir & Momeneen (2009) menyatakan keputusan kajian beliau adalah bank konvensional adalah lebih bagus dalam pengurusan kecairan. Keputusan menunjukkan bahawa pasaran saham yang rendah diduduki oleh bank-bank Islam.

METHODOLOGI

Kajian lepas mendapati bahawa pengurusan risiko kecairan sangat penting bagi menjamin kestabilan dalam sesebuah institusi perbankan. Selain itu, pembolehubah makroekonomi turut memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pengurusan risiko kecairan dimana perbankan Islam perlu mempunyai jumlah kecairan yang mencukupi untuk bertindak balas terhadap situasi krisis ekonomi dan juga inflasi. Bagi sesebuah perbankan, keseimbangan aset dan liabiliti sangat penting untuk mengelakkan dari sebarang risiko yang berlaku. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa pendeposit merupakan punca kepada risiko kecairan ini berlaku.

Oleh itu, dalam bahagian ini penulis akan membincangkan beberapa kaedah yang akan digunakan di dalam mengumpul dan menganalisis data yang ditemui bagi mencapai objektif kajian ini. Penulis menggunakan metode induktif dan deduktif untuk meneliti dan memahami konsep kecairan, deposit dan pelaburan secara umum dimana ianya bertujuan untuk memahami dilema bank samada memaksimumkan keuntungan dan meningkatkan risiko atau memegang kecairan untuk mengurangkan risiko. Metode ini melibatkan pengambilan data daripada sumber sekunder yang diperoleh melalui kajian perpustakaan dan melalui internet. Antara sumber maklumat diperolehi daripada jurnal, kajian-kajian lepas, kertas-kertas persidangan dan sebagainya.

Selain metod induktif dan deduktif, penulis juga menggunakan metod perbandingan andian dimana penulis akan membandingkan ciri-ciri kedua-dua instrumen untuk menganalisis kajian ini. Ini adalah kerana penulis ingin menganalisis adakah kedua-dua kontrak intrumen tersebut iatu deposit murabahah dan deposit pelaburan mampu menguruskan risiko kecairan. Hasil daripada penganalisaan ini, akan menjawab segala persoalan dan isu yang diutarakan penulis dibahagian pendahuluan.

HASIL PERBINCANGAN

Kemampuan bank menunaikan komitmennya kepada para penyimpan mesti tercapai secara berterusan dan dalam bentuk harian. Walau bagaimanapun, dalam bentuk harian ia jarang berlaku terutamanya kepada pihak bank yang berusaha keras bagi mendapat keuntungan dan bukanlah sesuatu yang baik bagi sesebuah bank apabila ia mempunyai lebihan kecairan. Di antara cara terpenting dalam pengurusan risiko kecairan bagi sektor perbankan ialah perhubungan modal jangka pendek di antara bank iaitu yang dikenali sebagai pinjaman antara bank. Sebagaimana yang telah diketahui, pengurusan perbankan yang ketat serta undang-undang yang mengatur operasi bank menuntut wujudnya keseimbangan berterusan di antara aset dan liabiliti bank pada setiap masa dan waktu. Kewujudan keseimbangan secara berterusan dalam jangka masa panjang merupakan unsur penting dan asasi bagi kejayaan sesuatu institusi perbankan. Tetapi keseimbangan dalam jangka pendek jarang berlaku. Oleh itu, bank memerlukan pengurusan kecairan jangka pendek dengan mengembangkan kontrak-kontrak yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah risiko kecairan.

Pinjaman antara bank bagi menguruskan kecairan ini mempunyai tempoh yang amat singkat. Kebiasaan pinjaman ini tidak menjangkau satu malam. Dari aspek lain, ia tidak boleh dilakukan

kecuali adanya jaminan kuat dari bank yang memerlukan kecairan bagi menjaga kepentingan bank lain. Prasyarat jaminan ini akan menyukarkan pelaksanaan produk pembiayaan Islam yang biasa, kecuali produk pembiayaan yang bergantung kepada kontrak jual beli bertangguh. Ini kerana harga dijamin ke atas pembeli dengan hutang. Namun begitu, tuntutan pertama tidak dapat dicapai dalam sighth akad jual beli dari aspek kepantasan dan kesempurnaan dan tidak meminimkan risiko dan kos yang berkaitan dengan aturcara dan sebagainya. Ini adalah kerana bank-bank yang bergantung kepada formula produk jual beli dalam aktiviti pembiayaan, pada dasarnya tidak mempunyai aset pendasar yang mencukupi untuk diperdagangkan. Sekiranya bank memerlukan kecairan sebanyak 50 juta dan bank lain bersedia menyertai transaksi tersebut bagi memenuhi keperluan tersebut, jadi bank yang kedua mesti terlebih dahulu pergi ke bursa bagi membeli barangan berharga 50 juta secara tunai, kemudian menjualkannya kepada pihak lain dengan harga tangguh selama satu malam sahaja.

Jelas bahawa menyempurnakan semua urusan dan prosedur ini dalam tempoh beberapa jam merupakan satu cara bagi menguruskan kecairan yang mudah namun terdapat juga risiko perubahan harga dan pemilikan. Oleh itu, dalam bahagian ini penulis akan membincangkan dua instrumen deposit digunakan bagi menguruskan risiko kecairan dalam sesebuah perbankan kerana deposit merupakan faktor penyumbang kepada risiko kecairan. (Rujuk lampiran: Rajah 1)

Deposit Komoditi Murabahah

Deposit merupakan dana daripada penyimpanan yang menjadi sumber kekuatan kewangan perbankan Islam. Mereka menggunakannya untuk meningkatkan keupayaan operasi pembiayaan dan sekaligus meningkatkan keuntungan bagi pemegang saham.

Komoditi murabaha adalah produk yang kebanyakannya digunakan di antara bank-bank untuk menguruskan mudah tunai di mana satu bank membeli komoditi (seperti minyak kelapa) dalam pasaran, menjualnya kepada pihak lain dengan pembayaran tertunda, dan pihak yang kemudiannya menjual komoditi itu di pasaran spot. Penerimaan penggunaan produk ini adalah satu alternatif yang sesuai, untuk mendapatkan kecairan dengan mudah seperti dalam pasaran wang antara bank.

Istilah al-Murabahah lahir daripada usaha pengelasan jenis-jenis jual beli dalam proses perbankan Islam. Antara pengelasan yang digunakan adalah dengan merujuk kepada harga barang yang dijual dan dibandingkan dengan harga modal asal barang tersebut. Definisi dari sudut istilah Syariah pula menurut Zaharuddin Abd. Rahman (2009) adalah, jualan komoditi atau aset dengan harga yang dibeli (modal) oleh pembeli berserta keuntungan yang diketahui serta disepakati (oleh penjual dan pembeli).

Secara umumnya, Murabahah adalah jualan barangan dengan harga yang telah ditetapkan di pasaran dengan tambahan keuntungan yang telah diketahui. Ia dinamakan sebagai jual beli amanah kerana ia bergantung kepada kepercayaan penjual kepada harga barangan di pasaran yang diberitahu oleh pembeli. Oleh itu, perbankan Islam mengambil inisiatif menggunakan kontrak ini dalam mewujudkan kepelbagaian jenis produk deposit. Kebiasaan jumlah deposit yang diletakkan oleh pendeposit adalah tinggi. Dalam penstrukturan produk deposit menggunakan murabahah, bank Islam boleh menggunakan:-

- (a) Kontrak Bai Al-Inah yang melibatkan pembelian dan penjualan aset di antara duapihak-pihak .
- (b) Kontrak Komoditi Murabahah (Tawwaruq) yang melibatkan pembelian dan penjualan komoditi seperti minyak sawit, logam dan sebagainya, tetapi urus niaga biasanya melibatkan tiga atau empat pihak.

Penulis akan membincangkan dengan lebih mendalam mengenai deposit komoditi murabahah yang menggunakan kontrak Komoditi Murabahah atau Tawarruq. Di bawah Tawarruq, aset pendasar adalah komoditi seperti minyak sawit atau logam. Beberapa bank menggunakan saham seperti produk timah yang mudah dikenal pasti dan disentuh. Pada asasnya, ia adalah jualan barang-barang tertentu melalui pertukaran pada harga kos tambah keuntungan.

Deposit Komoditi Murabahah adalah produk yang memberikan pelabur pada kadar yang ditetapkan pulangan melalui pembelian dan penjualan komoditi sebagai urus niaga asas. Seperti Bai Al-Inah, Komoditi Murabahah juga boleh diniagakan sebagai pengambilan deposit atau instrumen pembiayaan. Akad ini telah menjadi suatu pengamalan dalam kegiatan-kegiatan bank Islam kerana ia dapat membuka peluang kepada bank Islam untuk menyediakan kecairan kepada para pelanggan jika matlamatnya adalah untuk menghasilkan wang tunai demi kepentingan pelanggan.

Terdapat empat syarat Syariah asas untuk murabahah iaitu aset/komoditi hendaklah tersedia/wujud, hendaklah mempunyai pemilikan aset/komoditi fizikal atau konstruktif, harga pembelian hendaklah diketahui dan tanpa syarat terhadap sebarang peristiwa masa depan dan harga

tidak boleh diubah setelah ditetapkan. Maka diperlukan untuk menyerahkan dokumen-dokumen antaranya seperti perjanjian jual/ beli murabahah, perjanjian agensi, dan lain-lain lain-lain dokumen. (Rujuk Lampiran: Rajah 2)

Akaun Pelaburan Mudharabah

Mudharabah merupakan perkongsian keuntungan yang mana *mudarib* tidak boleh menjamin modal mahupun keuntungan. Pelaburan yang diterima adalah untuk tempoh masa yang tetap atau panjang dan ditadbir oleh kontrak Mudarabah dengan bank. Apabila kontrak pelaburan dipersetujui maka tiada penarikan balik dan biasanya dibenarkan sehingga akhir tempoh yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, beberapa bank-bank yang membenarkan pengeluaran awal dalam tempoh notis yang dipersetujui serta pelaburan Mudharabah mempunyai risiko yang tinggi.

Dalam pelaburan Mudharabah terdapat rizab penyamaan keuntungan dan rizab risiko pelaburan. Kedua-dua rizab ini diwujudkan untuk melindungi bagi mereka tidak beralih kepada perbankan konvensional. Rizab penyamaan keuntungan adalah untuk memastikan kelancaran kadar pulangan yang diberikan lebih kompetitif. Terdapat juga sesetengah bank yang sanggup melepaskan bahagian keuntungan mereka untuk dibayar kepada pelabur bagi mengelakkan pengeluaran dana atas faktor kadar pulangan yang diberikan terlalu rendah. Kaedah ini dilihat sangat penting kerana apabila perbankan Islam mengadaptasi prinsip perkongsian untung rugi, ia akan terdedah kepada risiko pengeluaran.

Ketiadaan sebarang jaminan dan kadar pulangan yang tetap yang telah ditentukan terlebih dahulu akan mewujudkan ketidakpastian mengenai nilai pelaburan. Oleh itu, bank juga menghadapi risiko pendeposit akan mengambil semula dana yang telah mereka suntik ke dalam perbankan Islam bagi meminimumkan risiko kerugian yang terpaksa ditanggung. Walau bagaimanapun, pelaburan ini mempunyai jangka masa yang tertentu bagi pengeluaran dana. Hal ini menunjukkan bahawa bank mampu untuk menguruskan risiko kecairan yang mereka hadapi.

Bagi akaun pelaburan Mudharabah pula terbahagi kepada dua iaitu Am dan Khas. Akaun Pelaburan Am, di mana Pendeposit meletakkan jumlah wang yang tertentu untuk jangka waktu yang tertentu dengan tujuan perkongsian di dalam keuntungan yang diperolehi dari pelaburan yang dijalankan oleh pihak Bank ke atas dana mereka.

Bagi Akaun Pelaburan Khas pula, kontrak ini yang menggunakan kontrak Mudharabah Muqayyadah, di mana Pendeposit meletakkan jumlah wang yang tertentu untuk jangka waktu yang tertentu dengan tujuan perkongsian di dalam keuntungan yang diperolehi dari pelaburan yang dijalankan oleh pihak bank ke atas dana mereka. Dana ini digunakan untuk tujuan pelaburan/pembiayaan dalam projek/usaha niaga yang spesifik.

Modus operandi bagi Akaun Pelaburan Amdan Khas adalah seperti berikut:-

- i. Pelanggan datang ke Bank untuk membuka akaun dan memberi wang (modal) kepada Bank. Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak bersetuju atas nisbah pembahagian keuntungan yang akan diperolehi daripada aktiviti pelaburan kelak.
- ii. Bank akan menggunakan modal ini bagi tujuan pelaburan yang dibenarkan Syariah.
- iii. Keuntungan yang diperolehi hasil daripada aktiviti pelaburan, akan dibahagikan di antara kedua-dua pihak berdasarkan nisbah pembahagian keuntungan yang telah dipersetujui.

Namun hakikatnya, instrumen pelaburan mudharabah kurang diminati kerana ketidakpastian risiko yang akan berlaku. Perbankan Islam juga tidak cenderung dalam melabur berasaskan kontrak mudharabah kerana keuntungan dan risiko yang dihadapi adalah tidak pasti.

Perkara	Deposit komoditi Murabahah	Deposit akaun Mudarabah	Pelaburan
Risiko	Tidak berkongsi risiko	Pendeposit	
Tempoh	Tidak mempunyai tempoh	Mempunyai tempoh	
Keuntungan	Jumlah tetap	Jumlah berdasar nisbah keuntungan	
Jumlah	Jumlah yang Besar	Tidak (kecil/ sederhana/ Besar)	menentu-
Jangkaan risiko	Tidak boleh dijangka	Boleh dijangka kerana mempunyai tempoh	

Ringkasan Perbandingan dua instrumen

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua instrumen mampu menguruskan risiko kecairan dalam perbankan Islam. Walau bagaimanapun, instrumen deposit murabahah menjadi tumpuan ramai kerana mempunyai kadar pulangan yang tetap. Instrumen ini juga sebenarnya terdedah kepada risiko kecairan kerana ketidakpastian karakter pendeposit menyebabkan bank sukar untuk menjangkakan aliran keluar masuk. Namun hakikatnya, jumlah yang perlu disimpan apabila pendeposit ingin menyimpan wang mereka dalam deposit murabahah adalah tinggi. Institusi perbankan Islam akan memperolehi mudah tunai yang banyak apabila ramai pendeposit meletakkan wang mereka dalam deposit murabahah.

Bagi pelaburan mudharabah pula, apabila ramai pelabur meletakkan wang mereka dalam instrumen ini, maka perbankan Islam juga akan memperolehi mudah tunai. Keistimewaan instrumen ini adalah mempunyai jangka masa untuk pengeluaran atau pelabur ingin menarik diri daripada pelaburan. Oleh itu, pihak bank mampu menjangka dan mampu menguruskan risiko kecairan mereka. Tetapi hakikatnya, pelabur terpaksa menghadapi risiko lain yang tidak pasti.

Justeru kajian ini mengemukakan beberapa implikasi dasar yang dilihat bersesuaian dengan kelakuan perbankan Islam dalam menyediakan kecairan.


- i. Perbankan Islam perlu memastikan bekalan deposit bank sentiasa mencukupi, stabil serta menjanjikan kadar pulangan yang kompetitif dari semasa ke semasa. Deposit merupakan sumber utama bagi pembiayaan dan pendahuluan kepada para pelanggan. Ketidakstabilan deposit akan menjejaskan aktiviti memberi pembiayaan perbankan Islam. Jurang tempoh masa deposit berjangka pendek dan pembiayaan bersifat jangka panjang juga perlu dikurangkan melalui pendekatan bersesuaian.
- ii. Selain itu, perbankan Islam hendaklah mempelbagaikan produk deposit bagi memastikan bank mempunyai kecukupan kecairan. Perbankan Islam hendaklah menarik minat pelanggan supaya pendeposit lebih berminat untuk mendeposit dalam perbankan Islam. Perbankan Islam hendaklah bijak merancang strategi supaya akaun pelaburan mudharabah dan lain-lain lebih diminati orang ramai dengan menawarkan pelbagai keunikan seperti melakukan cabutan bertuah dan memberikan hadiah kepada pendeposit yang menyimpan dalam tempoh yang lama dan jumlah yang banyak.

BIBLIOGRAFI


- Ben Arab Mounira, (2008) Managing risk and liquidity in an interest free banking framework : The case of Islamic banks, *International Journal of Business and Management*. Vol. 3, No. 9
- Chung Hua Shen et all. (2009), Bank Liquidity Risk and Performance.
- Douglas W. Diamond dan Raghuram G. Rajan, (2001). Liquidity Risk, Liquidity Creation, and Financial Fragility: A Theory of Banking. *Journal of Political Economy*.
- Evan Gatev dan Philip E. Strahan, (2003), *Banks' Advantage in Hedging Liquidity Risk: Theory and Evidence from the Commercial Paper Market*, The Wharton Financial Institutions Center
- Ismal, R. (2008), Shariah Issues in Liquidity Risk Management: A Survey, *Review of Islamic Economics*, Vol. 12, No. 2, h.32-44.
- Ismal, R. (2010). Strengthening and improving the liquidity management in Islamic banking. *Journal of Humanomics* , 18-35.
- Ismal, R. (2011) Depositors' withdrawal behaviour in Islamic banking: case of Indonesia, *Journal of Humanomics*, Vol. 27 No. 1, 61-76
- Kara, H. (2011) Islamic Finance: Basel III - Islamic Banks Hold Basel III Advantage Regulation.
- Parker, M. (2011) Issues in Regulating Islamic Finance. *Central Banking* 21 (3), 60-69.
- Saiful Azhar Rosly and Mohammad Ashadi Mohd.Zaini, (2008), Risk-return analysis of Islamic banks Investment deposits and shareholders' fund, *Journal Managerial Finance* Vol. 34 No. 10, 695-707.
- Wolf Wagner, (2007), The liquidity of bank assets and banking stability, *Journal of Banking & finance*, 121-139.
- Wolf Wagner, (2007), Aggregate liquidity shortages, idiosyncratic liquidity smootheing and banking regulation. *Journal of Financial Stability*, 18-32 .
- X. Freixas, B. M. Parigi, J. C. Rochet, (2000), Systemic risk, interbank relation, and liquidity provision by the central bank. *Journal of Money, Credit, and Banking*. Vol. 32, No 3.

V. Sundararajanprofit Sharing Investment Accounts Measurement And Control Of Displaced Commercial Risk (Dcr) In Islamic Finance,*Journal Islamic Economic Studies*, Volume 19 No. 1, 41-62.

LAMPIRAN



RAJAH 1: Pengurusan Risiko Kecairan



RAJAH 2: Mekanisme Operasi Komoditi Murabahah Di BIMB